


Memperkasakan generasi pengajaran dan pembelajaran yang akan datang

Lengkapi sekolah anda dengan Chromebook – peranti versatil, mudah diurus dan selamat yang direka bentuk untuk pendidikan. Mengajar dan belajar dari mana-mana sahaja, serta bersedia untuk tugas yang seterusnya.



Peranti versatil yang dibina untuk pendidikan

Perkasakan semua orang dalam komuniti sekolah anda dengan alat, apl dan ciri yang memenuhi keperluan mereka.



Mudah untuk diurus dan diskalakan

Urus kawalan semua peranti sekolah anda – dan sokong pasukan IT anda dengan Peningkatan Pendidikan Chrome.



Direka bentuk untuk memperkasakan pengalaman pendidikan

Dibuat supaya pantas, mudah digunakan, boleh dipercayai dan bersedia untuk pembelajaran, Chromebook meningkatkan produktiviti di dalam dan di luar bilik darjah.



Keselamatan pada setiap lapisan

Kurangkan risiko dengan keselamatan berbilang lapisan dan perlindungan bersepadu Chromebook.



Serangan perisian tebusan tidak pernah dilaporkan pada mana-mana peranti Chrome OS untuk perniagaan, pendidikan atau pengguna¹



Peranti #1 di sekolah K-12² dengan 50 juta pelajar dan pendidik menggunakan Chromebook di seluruh dunia

¹ Pembelajaran yang Lebih Selamat dengan Google for Education

² Meraikan 10 tahun Chromebook dalam pendidikan



Penuhi keperluan individu setiap pelajar, pendidik dan pentadbir dengan Chromebook.

Produk yang memperkasakan pendidikan

[Chromebook](#) menawarkan pelbagai rangkaian peranti yang pantas, selamat dan ringkas yang merangkumi model, ciri serta aksesori yang sesuai untuk setiap pengguna.

[Chrome OS](#) ialah sistem pengendalian yang mengutamakan awan yang memperkasakan setiap Chromebook, menyediakan pengalaman yang pantas, ringkas dan andal dengan kemaskinian latar belakang yang tetap.

[Peningkatan Pendidikan Chrome](#) memberikan kawalan kepada pentadbir IT untuk menambah baik persekitaran pendidikan, dengan keupayaan pengurusan, keselamatan dan sokongan yang dipertingkatkan melalui konsol Pentadbir Google.

Persekitaran pembelajaran digital yang menyeluruh

Chromebook dapat digandingkan secara lancar dengan [Google Workspace for Education](#), apl popular daripada [Hab Apl Chromebook](#) dan sambungan daripada [Gedung Web Chrome](#) untuk membuat peranti semua dalam satu yang sedia untuk pengajaran serta pembelajaran.



Chromebook membantu komuniti sekolah anda berkembang maju.

Berbaloi dan menjimatkan masa

Kos pendahuluan Chromebook yang lebih kecil bermakna anda boleh melabur dalam lebih banyak Teknologi Pendidikan untuk komuniti sekolah anda. Kerah tugas dan pengurusan yang memerlukan masa yang lebih singkat juga membolehkan kakitangan IT menumpukan masa mereka kepada inovasi.

Versatil untuk semua orang

Pilih daripada pelbagai jenis Chromebook seperti desktop, komputer riba atau tablet boleh tukar untuk disesuaikan dengan pelajar daripada lapisan umur dan keupayaan pembelajaran yang berlainan. Terdapat juga peranti gred profesional yang bergaya untuk pendidik.

Mudah diurus dan selamat

Elakkan ancaman siber dengan perlindungan terbina dalam seperti penyulitan data 128-bit, but disahkan dan kemaskinian automatik. Peningkatan Pendidikan Chrome memberi anda kawalan berpusat untuk ribuan peranti, menetapkan dasar dan banyak lagi – semua daripada konsol Pentadbir Google.

Tahan lasak, boleh dibaiki dan tahan lama

Komponen seperti papan kekunci kalis tumpahan dan Gorilla® Glass tahan calar menjadikan peranti anda cukup lasak untuk kegunaan harian. Chromebook menampilkan jangka hayat yang dilanjutkan³ dan dibina agar boleh dibaiki, supaya anda boleh memanjangkan hayat peranti itu dan mengurangkan e-sisa.

Kurangkan kebimbangan tentang kos, pengurusan dan prestasi peranti anda sebaliknya luangkan lebih banyak masa untuk pengajaran dan pembelajaran.

³ Meningkatkan 40 juta Chromebook untuk pendidikan

⁴ Nilai Ekonomi Chromebook untuk Pendidikan

57%

Kos pengendalian yang lebih rendah sepanjang tiga tahun⁴

59%

Setiap peranti dapat diurus dalam masa yang lebih singkat⁴

74%

Masa kerah tugas yang lebih singkat⁴

76%

Kurang kerap mengebut semula⁴

73%

But semula dalam masa yang lebih singkat⁴

